



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	5/4/2012

ASEAN rangka COC sebelum berunding dengan China

UM-5/4/2012

PHNOM PENH 4 April - ASEAN akan memperincikan terlebih dahulu Kod Tatalaku (COC) di Laut China Selatan sebelum memulakan perbincangan dengan China bagi mencari penyelesaian berhubung isu tuntutan bertindih di wilayah maritim itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, gagasan itu juga mengambil ketetapan bahawa penyelesaian mestilah dibuat secara damai berasaskan Kerangka ASEAN.

"Para pemimpin ASEAN mengalu-alukan kesediaan China untuk berbincang dengan anggota ASEAN mengenai COC. Bagaimanapun, rata-ratanya bersetuju bahawa ASEAN perlu merangka COC dalam kalangan anggota terlebih dahulu sebelum memulakan perbincangan dengan China," katanya.

Marhaini Kamaruddin

Melaporkan dari
PHNOM PENH



Beliau bercakap kepada wartawan Malaysia ketika menghadiri jamuan makan tengah hari di kediaman rasmi Duta Besar Malaysia ke Kemboja, Datuk Pengiran Mohd. Hussein Pengiran Mohd. Tahir Nasruddin di Rumah Malaysia di sini hari ini. Hadir sama Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman.

Menurut Perdana Menteri, ketetapan ASEAN itu dibuat mengambil kira bahawa China sudah pun menandatangani Deklarasi Mengenai Tatalaku pihak-pihak yang

membuat tuntutan di Laut China Selatan (DOC) 10 tahun lalu.

"Sekarang ini ASEAN sedang merumuskan perincian berhubung COC dan China sudah memberi persetujuan untuk berunding dengan ASEAN lebih awal lagi dan ini merupakan satu perkembangan yang positif dari segi mencari penyelesaian secara damai dalam isu di Laut China Selatan," katanya.

Beliau memberitahu, pelaksanaan DOC adalah antara tiga agenda yang dibincangkan semasa sesi retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-20 hari ini selain Pertukaran Pandangan mengenai Isu-isu Rantau dan Antarabangsa dan Dialog Global ASEAN.

Beberapa negara membangkitkan isu DOC dan menekankan yang perbincangan mengenainya perlu dalam kerangka ASEAN-China.

Kemboja selaku Pengerusi ASEAN turut menyampaikan pandangan agar perbincangan mengenai COC dibuat dalam kerangka hubungan ASEAN-China tanpa campur tangan pihak luar.

Malaysia ketika membuat celaahan, kata Perdana Menteri, menegaskan pendirian agar COC tidak dijadikan alat untuk menyelesaikan pertikaian wilayah dan perundangan di Laut China Selatan di antara pihak-pihak yang terlibat.

"Pertikaian wilayah dan perundangan di Laut China Selatan perlu diselesaikan secara aman menerusi mekanisme sedia ada di bawah undang-undang antarabangsa," katanya.

Selain sesi pemukiman dan rumusan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-20, terdahulu Perdana Menteri menghadiri Sidang Kemun-

cak Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) dan Sidang Kemuncak Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA).

Beliau berkata, negara terlibat mengambil maklum yang kedua-duanya mempunyai potensi tetapi belum mencapai kemajuan yang diharapkan.

Justeru dengan adanya pelan induk untuk beberapa tahun sehingga 2016, Najib berharap semua negara terlibat dapat memberikan komitmen penuh menjayakan dua subkumpulan itu.

Dalam pertemuan dengan Naib Presiden Indonesia, Prof. Dr. Boediono semasa mesyuarat itu, Perdana Menteri turut mengambil kesempatan membangkitkan isu pembantu rumah. - UTUSAN